



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

AHAD, 24 MAC 2024

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

24/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	KPWKM SEDIA ATUR SESI KAUNSELING KEPADA KELUARGA REMAJA MAUT DIPUKUL	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1227132/kpwkm-sedia-atur-sesi-kaunseling-kepada-keluarga-remaja-maut-dipukul	BHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/kpwkm-sedia-khidmat-kaunseling-buat-keluarga-mangsa-buli/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/03/23/kpwkm-sedia-khidmat-kaunseling-kepada-keluarga-muhd-nazmie/	KOSMO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/656203/berita/semasa/pelajar-maut-dipukul-kpwkm-hantar-kaunselor-bantu-keluarga	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	JKM CARI WARIS KANAK-KANAK KEMBOJA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/656115/edisi/melaka-ns/jkm-cari-waris-kanak-kanak-kemboja	SINARHARIAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2024/03/23/jkm-cari-waris-kanak-kanak-kemboja/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
3	KEPENTINGAN SEDIAKAN SOKONGAN SOSIAL KEPADA WANITA LEWAT KAHWIN	
	https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2024/03/1226892/kepentingan-sediakan-sokongan-sosial-kepada-wanita-lewat	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	USAHA MEMPERKASA WANITA PERLU KOMITMEN SEMUA PIHAK	
	https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2024/03/usaha-memperkasa-wanita-perlu-komitmen-semua-pihak/	UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my


f t i kpwkm

24/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	KERAJAAN ALU-ALUKAN LEBIH BANYAK BADAN KORPORAT BANTU GOLONGAN MEMERLUKAN: FATIMAH	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/23/kerajaan-alu-alukan-lebih-banyak-badan-korporat-bantu-golongan-memerlukan-fatimah	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	WANITA DIDAKWA TINGGALKAN BAYI DI BAWAH JAGAAN	
	https://www.dailyexpress.com.my/news/231142/wanita-didakwa-tinggalkan-bayi-di-bawah-jagaan/	DAILYEXPRESS.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	PENGANGGUR DIDAKWA LAKUKAN AMANG SEKSUAL KE ATAS ANAK SAUDARA	
	https://www.dailyexpress.com.my/news/231144/penganggur-didakwa-lakukan-amang-seksual-ke-atas-anak-saudara/	DAILYEXPRESS.COM.MY



KPWKM sedia atur sesi kaunseling kepada keluarga remaja maut dipukul

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof - Mac 23, 2024 @ 10:57pm
bhnews@bh.com.my



Nancy (tengah) menyaksikan penyerahan kotak makanan 'SunwayForFood' Food Bank pada program Sinar Ramadan Kumpulan Sunway 2024 di Wisma Yatim Perempuan Islam Pulau Pinang. - NSTP/MIKAIL ONG

GEORGETOWN: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedia memberi bantuan khidmat kaunseling kepada keluarga remaja lelaki yang maut akibat dipukul di kolej vokasional di Lahad Datu semalam.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata pihaknya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan turut menyalur bantuan dan sokongan diperlukan ahli keluarga remaja lelaki berkenaan.

"Kita sentiasa bersedia menyantuni keluarga selain kita mempunyai ramai kaunselor di seluruh Malaysia untuk bersama-sama membantu mereka yang memerlukan.

"Memang ini satu prosedur biasa dan kaunselor kita juga berkelayakan... jadi mereka tahu bagaimana mendekati (keluarga) untuk kes-kes tertentu sebegini," katanya kepada pemberita di sini, malam ini.

Nancy berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri program Sinar Ramadan Kumpulan Sunway 2024 di Wisma Yatim Perempuan Islam Pulau Pinang.

Semalam, media melaporkan Muhd Nazmie Aizat Muhd Narul Azwan, 17, yang juga pelajar jurusan Bioteknologi di kolej berkenaan ditemui tidak sedarkan diri sekitar jam 6.50 pagi sebelum disahkan meninggal dunia oleh pasukan perubatan.

Ketua Polis Daerah Lahad Datu, Asisten Komisioner Dr Rohan Shah Ahmad berkata perselisihan faham mengenai kehilangan wang berjumlah RM35 dan RM50 dipercayai punca pelajar itu mati dipukul rakan penghuni asrama

Sementara itu, ahli keluarga mangsa turut dilapor masih terkejut dan meminta diberi ruang daripada memberi sebarang kenyataan berhubung insiden itu.



JKM cari waris kanak-kanak Kemboja

Oleh NOR FARHANA YAACOB

[Follow](#)

23 Mac 2024 10:05am

Masa membaca: 4 minit



JKM Alor Gajah mengesan waris Nurul Madiha yang ditinggalkan ibu kandung sejak dua tahun lalu.

ALOR GAJAH - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Alor Gajah mengesan waris kanak-kanak perempuan berketurunan kemboja yang ditinggalkan ibu kandung sejak dua tahun lalu.


Pegawai pelindung daerah Alor Gajah, Nor Atiqah Abdullah, berkata, kanak-kanak yang dikenali sebagai Nurul Madiha empat tahun itu ditinggalkan ibu kandung sejak berusia dua tahun tanpa sebarang dokumen.

Menurutnya, kanak-kanak itu kini diletakkan di bawah jagaan orang yang layak dan sesuai secara sementara sepertimana perintah di bawah Seksyen 19 Akta Kanak-Kanak 2001.

"Berdasarkan maklumat, kanak-kanak itu ditinggalkan seorang wanita warganegara Kemboja bernama Rin Sakin.

"Pencarian ibu kandung atau waris bagi membantu urusan penempatan dan penjagaan terbaik bagi kanak-kanak itu yang akan ditentukan oleh Mahkamah Kanak-Kanak," katanya dalam satu kenyataan di sini, pada Sabtu.

Orang ramai yang mempunyai maklumat atau mengenali ibu kandung dan waris diminta menghubungi Pelindung JKM Alor Gajah di talian 06-5561267 bagi membincangkan hal penjagaan kanak-kanak tersebut.



Keperluan sediakan sokongan sosial kepada wanita lewat kahwin

Mac 23, 2024 @ 9:48am



Satu ketika dahulu, ramai wanita berkahwin pada usia belasan tahun atau awal 20-an hinggalah apabila mereka masih bujang dalam usia 25 tahun dan ke atas akan dilihat sebagai keganjilan. Bagaimanapun hari ini, bukan sesuatu yang mustahil untuk menemui ramai wanita memilih menanggungkan perkahwinan.

Malah hari ini, trend wanita untuk berkahwin pada usia lebih lanjut adalah fenomena yang semakin lazim di seluruh dunia.

Kecenderungan itu didorong pelbagai faktor antaranya ekonomi, sosial dan budaya yang banyak mempengaruhi keadaan ini, sekali gus membawa implikasi signifikan terhadap dinamika perkahwinan, keluarga dan masyarakat secara keseluruhannya.

Antara faktor utama yang menyebabkan wanita memilih untuk menunda perkahwinan adalah pertumbuhan pesat ekonomi dan kesempatan kerja yang lebih baik. Wanita hari ini semakin terbahit dalam pasaran tenaga kerja, mendapat pendidikan yang lebih tinggi dan mencapai kemandirian ekonomi. Apabila hal demikian terjadi, mereka dilihat sering mengutamakan pembangunan kerjaya dan pencapaian profesional sebelum memilih untuk menetapkan komitmen perkahwinan.

Hal ini disokong pula oleh perubahan sosial dan budaya. Perubahan dalam norma sosial dan budaya juga memainkan peranan penting. Masyarakat semakin menerima gagasan mengenai kesamarataan gender dan kebebasan individu dalam memilih jalan hidup mereka sendiri. Wanita kini berasa lebih bebas untuk mengejar tujuan peribadi sebelum memikirkan mengenai perkahwinan dan tanggungjawab berkeluarga.

Bagaimanapun, di sebalik kebebasan ini, wanita sering kali menghadapi tekanan untuk mencapai kesempurnaan dalam semua aspek kehidupan mereka, termasuk kerjaya, hubungan dan penampilan fizikal. Tekanan ini mempengaruhi ketidakpastian dan penundaan dalam membuat keputusan yang besar seperti perkahwinan.

Pilih kebebasan, kemandirian ekonomi

Kecenderungan untuk memulakan perkahwinan pada usia lebih lanjut membawa implikasi yang kompleks. Di satu sisi, wanita yang menunda perkahwinan cenderung memiliki lebih banyak kebebasan dan kemandirian ekonomi yang dapat meningkatkan kualiti hidup mereka secara keseluruhan. Namun, di sisi lain terdapat cabaran seperti kesulitan untuk mencari pasangan hidup yang sesuai, penurunan kesuburan dan tekanan sosial daripada keluarga dan masyarakat.


Untuk menangani cabaran dan mengoptimalkan potensi manfaat daripada trend ini, pendekatan yang holistik diperlukan. Pendidikan mengenai kesihatan reproduktif, kesetaraan gender dan kebebasan memilih perlu dipromosikan secara meluas. Lebih-lebih lagi, penyediaan sokongan sosial dan perkhidmatan sensitif gender untuk wanita yang memilih untuk menunda perkahwinan adalah penting.

Apapun, kita seharusnya lebih terbuka dalam hal ini dan melihat trend kecenderungan wanita berkahwin pada usia lebih lanjut mencerminkan perubahan dinamika sosial, ekonomi dan budaya yang berlaku di seluruh dunia. Ketika tawaran peluang untuk wanita mengejar aspirasi mereka dengan lebih bebas sangat besar, ia juga menimbulkan cabaran tertentu yang perlu diatasi.

Hal ini perlu ditangani dengan pendekatan inklusif dan progresif supaya kita dapat memastikan bahawa setiap wanita dapat menjalani hidup bermakna dan memuaskan tanpa bergantung kepada peraturan sosial yang kaku.

Dayang Mariana Fatriah Fitri,

Universiti Malaysia Sarawak



Usaha memperkasa wanita perlu komitmen semua pihak



KERAJAAN perlu terus merancang penyelarasan dan koordinasi antara pelbagai pihak untuk meningkatkan pembangu pencapaian wanita, terutama dalam bidang-bidang yang belum mencapai sasarannya.

Oleh Meja Rencana 23 Mac 2024, 9:00 am

SAUDARA PENGARANG,

WANITA perlu dilayan dan diberikan hak secara adil selari dengan konsep Malaysia Madani yang turut meletakkan usaha untuk memastikan golongan itu tidak terpinggir dalam arus pembangunan negara.

Namun, apabila disebut wanita mesti dilayan dan diberikan hak secara adil, maka sewajarnya ia mestilah tidak melanggar sempadan ketetapan beragama, khususnya yang beragama Islam dengan mengambil kira soal kejayaan dan kebahagiaan di akhirat.

Dalam konteks ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) harus peka dan prihatin supaya golongan ini tidak terbabas dalam memperjuangkan hak mereka.


Pendekatan secara komprehensif dalam memartabatkan wanita dalam bidang-bidang utama merangkumi ekonomi, pendidikan, kesihatan, kepimpinan, keselamatan dan perundangan perlu diperkukuhkan lagi berteraskan agama, budaya bangsa dan nilai-nilai murni seperti yang pernah digariskan oleh kementerian itu dalam kerangka memperkasa wanita sebelum ini.

Demikian juga, inisiatif menubuhkan sebuah unit khas di bawah Bahagian D11, Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membanteras aktiviti pornografi kanak-kanak dengan kerjasama KPWKM dapat memperluaskan lagi bidang kuasa kementerian terbabit dalam menjaga kesejahteraan wanita keluarga dan masyarakat di negara ini.

Sebelum ini, usaha-usaha awal seperti menasarkn agar 30 peratus wanita dilantik di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam telah mencapai sasaran, manakala sektor swasta pula ialah 25.8 peratus.

Demikian juga jurang dalam pendidikan dan kesihatan untuk wanita turut menunjukkan peningkatan, termasuklah keterlibatan golongan itu dalam beberapa bidang lain seperti ekonomi dan politik, walaupun ia masih perlu dipertingkatkan lagi pencapaiannya.

Apa yang penting kerajaan perlu terus merancang penyelarasan dan koordinasi antara pelbagai pihak untuk meningkatkan pembangunan dan pencapaian wanita, terutama dalam bidang-bidang yang belum mencapai sasarannya.-UTUSAN



Kerajaan alu-alukan lebih banyak badan korporat bantu golongan memerlukan: Fatimah

© 2024-03-23T20:02:29+08:00



Fatimah (tiga kiri) menerima cenderamata daripada pihak pengurusan Plaza Merdeka pada majlis Pelancaran Hari Raya Plaza Merdeka, hari ini.

KUCHING: Kerajaan mengalu-alukan lebih banyak badan korporat, institusi swasta dan individu tampil membantu dan mengambil berat terhadap golongan yang memerlukan termasuk kanak-kanak.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, sokongan dan bantuan daripada pelbagai pihak amat bermakna kepada mereka yang memerlukan.

“Kerajaan amat berharap lebih banyak badan korporat, institusi swasta dan individu tampil membantu dan terus mengambil berat kepada golongan yang memerlukan.

“Anda boleh terus menawarkan perkhidmatan penting, termasuk program pendidikan, sokongan penjagaan kesihatan dan aktiviti rekreasi bagi memastikan setiap kanak-kanak menerima kasih sayang dan perhatian yang sewajarnya,” katanya berucap pada majlis Pelancaran Hari Raya Plaza Merdeka di sini, hari ini.

Fatimah berharap program seperti itu akan berterusan dan semua pihak berganding tangan dalam program kebajikan sedemikian.

Beliau dalam pada itu berterima kasih atas sumbangan Plaza Merdeka kepada Rumah Kanak-Kanak Rumah Kanak-Kanak Toh Puan Hajah Norkiah Kuching.

Katanya, penghuni rumah kanak-kanak berkenaan terdiri daripada kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemeliharaan seperti dinyatakan pada Seksyen 17(1) (a-k) Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan 2016).

Beliau memaklumkan setakat ini, rumah kanak-kanak yang terletak di Jalan Kuching-Serian itu mempunyai 71 penghuni yang tinggal tetap dan sementara.


“Objektif rumah kanak-kanak ialah memberi penjagaan dan perlindungan kepada kanak-kanak serta menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan yang sihat (fizikal, mental dan emosi) di dalam persekitaran yang tenteram dan harmoni.

“Rumah kanak-kanak Kuching merupakan Tempat Selamat bagi pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak yang ditubuhkan atau ditetapkan di bawah Seksyen 54 Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan)2016,” ujarinya.

Mengulas lanjut, Fatimah berkata, rumah kanak-kanak itu dibina di atas sebidang tanah dengan keluasan 9.83 ekar pada tahun 2001 dan mula beroperasi pada 16 Mei 2007.

Katanya, ia kemudian diwartakan sebagai Tempat Selamat bagi pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak pada 9 Oktober 2003 dan kini dikenali sebagai Rumah Kanak-Kanak Toh Puan Hajah Norkiah, Kuching.

Pada majlis itu, pihak pengurusan pusat beli-belah Plaza Merdeka menyampaikan sumbangan RM10,000 kepada Rumah Kanak-Kanak Toh Puan Hajah Norkiah, Kuching sebelum disusuli dengan majlis terbuka puasa bersama penghuninya.



TAJUK : YKM PASTIKAN KEBAJIKAN ANAK MANGSA COVID-19 TERBELA

HARI : AHAD

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

TARIKH : 24 MAC 2024

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

YKM pastikan kebajikan anak mangsa COVID-19 terbela

Kuala Lumpur: Pandemik COVID-19 sememangnya meninggalkan banyak kenangan pahit.

Ramai hilang insan tersayang, anak menjadi yatim atau piatu, yang bekerja pula hilang pendapatan akibat diberhentikan atau tempat mencari rezeki mengencilkan operasi.

Prihatin dengan nasib malang kanak-kanak kehilangan ibu, bapa atau penjaga akibat virus berbahaya itu, Yayasan Keluarga Malaysia (YKM) tampil menghulurkan bantuan melalui dua bentuk sumbangan, masing-masing secara 'one-off' dan bantuan persekolahan untuk mereka berusia 18 tahun ke bawah.

Menurut YKM, bantuan menara gading pula disediakan untuk mereka yang berjaya memasuki institusi pengajian tinggi (IPT) hingga tamat ijazah sarjana muda pertama.

"Bantuan YKM secara 'one-off' terbahagi kepada dua pengelasan, masing-masing Kategori A untuk penerima berusia sehari hingga 15 tahun dengan sumbangan RM2,000. Kategori B untuk penerima usia 16 tahun hingga tamat ijazah sarjana muda pertama dengan sumba-



Ismail Sabri bersama Pengarang Urusan Kumpulan NSTP merangkap Pengarang Kumpulan BH, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman menyampaikan sumbangan.

ngan RM2,500.

"Keseluruhan dana disalurkan dalam tiga fasa. Yang belajar pada peringkat prasekolah, bermula dari usia enam tahun pula diberi bantuan RM300," katanya.

YKM diasaskan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan dilancarkan pada Oktober 2021, menyedia-

kan perlindungan kepada anak yatim dan piatu.

Yayasan itu menerima 5,537 data kanak-kanak terjejas akibat pandemik COVID-19 dan kemalangan daripada pelbagai agensi kerajaan, termasuk 112 permohonan secara terus, namun hanya 670 permohonan yang disaring, layak menerima bantuan YKM.

"Data sama turut disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi mengelak pertindihan bantuan. Hanya B40 dan ke bawah layak terima bantuan YKM, kriteria utama adalah anak yatim atau piatu yang kehilangan ibu, bapa mahupun penjaga akibat COVID-19.

"Mereka juga bukan penerima bantuan tetap mana-mana

agensi kerajaan. Permohonan sentiasa terbuka dan kumpulan sasar boleh menghubungi YKM yang akan membantu mereka mendapatkan pendidikan sempurna hingga tamat pengajian," katanya.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, YKM menyalurkan bantuan persekolahan RM300 setiap seorang kepada 589 penerima, membabitkan peruntukan keseluruhan RM176,700 untuk sesi persekolahan baharu awal bulan ini.

"Sumbangan tunai RM1,000 turut dikreditkan ke akaun lebih 500 penerima atau penjaga sempena Aidilfitri. YKM akan sentiasa menjaga kebajikan mereka sejak lahir hingga tamat pembelajaran di IPT, manakala yang tidak menyambung pengajian pula sehingga berusia 18 tahun," katanya.

Ahli Parlimen Bera itu berterima kasih kepada Kerajaan Perpaduan yang menyalurkan peruntukan bagi membiayai inisiatif yayasan berkenaan, selain berharap lebih banyak syarikat swasta turut tampil membantu membiayai program yang dirancang dan akan dilaksanakan YKM.



TAJUK : OKU BERKELAYAKAN HARUS DIBERI PELUANG DALAM SEKTOR PEKERJAAN

HARI : AHAD

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 24 MAC 2024

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

OKU berkelayakan harus diberi peluang dalam sektor pekerjaan

Sokong aplikasi NVDA, memudahkan OKU penglihatan dapat kerja

Oleh Henrietta Liza

KUCHING: Ramai golongan orang kelainan upaya (OKU) berkelayakan dan harus diberi peluang memasuki sektor pekerjaan.

Pengerusi Jawatankuasa ICT dan Braille Persatuan Bagi Orang Buta Sarawak (SSB) Cawangan Kuching Adzohari Jamil berkata, terdapat 10 peratus daripada ahlinya sedang menunggu peluang tersebut.

“Kita ada OKU yang layak, kenapa tidak diberi peluang. Jika mereka tidak layak...kita boleh menerima hakikat.

“Mereka ini (OKU penglihatan) ada yang merupakan graduan universiti memiliki sarjana dan sarjana muda, lepasan tingkatan enam dan sebagainya.

“Mereka yang baru keluar dari insituti pengajian tinggi (IPT) juga ada, tetapi tidak diberi peluang untuk mencuba pekerjaan di dalam sektor awam dan swasta,”

“Golongan OKU penglihatan mahu berdikari ibarat perumpamaan ini...jika diberikan seekor ikan kepada seseorang, kita hanya memberi dia makan untuk sehari. Oleh itu, ajarlah dia memancing supaya dia selalu boleh makan ikan.”

Adzohari Jamil
Pengerusi Jawatankuasa ICT dan Braille SSB Cawangan Kuching

katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui Utusan Borneo pada Program Pendaftaran dan Pengemaskinian Maklumat Pangkalan Data Utama (PADU) OKU SSB di sini, semalam.

Adzohari berkata, pihaknya turut menyokong latihan, simulasi atau penetapan perisian aplikasi Akses Desktop Bukan Visual (NVDA) bagi memudahkan golongan OKU penglihatan mendapat tempat dalam sektor pekerjaan.

“Golongan OKU peng-

lihatan mahu berdikari ibarat perumpamaan ini... jika diberikan seekor ikan kepada seseorang, kita hanya memberi dia makan untuk sehari. Oleh itu, ajarlah dia memancing supaya dia selalu boleh makan ikan.

“Berikan kerja yang mereka boleh buat, maka mereka boleh berdikari dan meneruskan kehidupan tanpa mengganggu sesiapa,” katanya.

Adzohari turut menyatakan ketetapan dasar satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam



ADZOHARI

kepada OKU tidak memberi banyak peluang kepada OKU penglihatan.

Justeru, beliau meminta kerajaan dan pihak korporat serta swasta agar memberi ketetapan jenis OKU yang diperlukan mereka dan turut memberi peluang kepada OKU penglihatan di seluruh Sarawak.



Wanita didakwa tinggalkan bayi di bawah jagaan

Published on: Saturday, March 23, 2024

By: Cynthia D Baga



Kesalahan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 itu membawa hukuman denda sehingga RM50,000, atau penjara sehingga 20 tahun, atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan. Sebagai tambahan di bawah Seksyen itu, boleh diletakkan di bawah bon berkelakuan baik dan melakukan kerja komuniti seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 31(2) Akta Kanak-Kanak.

KOTA KINABALU: Seorang wanita berusia 61 tahun didakwa meninggalkan bayi berusia empat bulan semasa di bawah jagaannya.

Chong Chau Ying mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Elsie Primus, atas pertuduhan dikenakan ke atasnya pada Jumaat.

Chong didakwa menyebabkan bayi itu ditinggalkan semasa di bawah jagaannya di Taman Sinar Baru, di Jalan Damai, di sini antara jam 12 tengah hari dan 1.30 petang pada 11 Nov, 2022.

Kesalahan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 itu membawa hukuman denda sehingga RM50,000, atau penjara sehingga 20 tahun, atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Sebagai tambahan di bawah Seksyen itu, boleh diletakkan di bawah bon berkelakuan baik dan melakukan kerja komuniti seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 31(2) Akta Kanak-Kanak.

Mahkamah menetapkan 24 Apr untuk pengurusan kes pra-perbicaraan dan membebaskan Chong dengan ikat jamin RM10,000 deposit RM5,000 beserta dua orang penjamin tempatan.

Chong juga diperintahkan menyerahkan pasportnya, jika ada kepada mahkamah sehingga kesnya selesai dan diberi amaran supaya tidak mengganggu saksi pendakwaan.

Timbalan Pendakwa Raya Atiqa Nazihah Azmi tampil untuk pendakwaan.



Penganggur didakwa lakukan amang seksual ke atas anak saudara

Published on: Saturday, March 23, 2024
By: Cynthia D Baga



Kesalahan di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 itu memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun, dan sebatan, jika sabit kesalahan.

KOTA KINABALU: Seorang penganggur berusia 27 tahun didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap anak saudaranya yang berusia lima tahun dua bulan.

Lelaki itu mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Elsie Primus, selepas pertuduhan dibacakan kepadanya pada Jumaat.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu ke atas kanak-kanak terbabit dengan menggosok bahagian sulitnya pada bahagian sulit kanak-kanak itu antara jam 8 pagi hingga 11 pagi pada 4 Feb, tahun ini di dalam bilik di sebuah rumah di Kota Marudu.

Kesalahan di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 itu memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun, dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Sementara menunggu tarikh itu, lelaki itu ditawarkan ikat jamin RM10,000 deposit RM3,000 serta dua orang penjamin tempatan dan melaporkan diri di balai polis Kota Marudu dua kali sebulan serta diberi amaran supaya tidak mengganggu saksi pendakwaan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Tham Pou Jin membantah ikat jamin lelaki itu atas alasan lelaki itu tinggal serumah dengan mangsa dan juga disebabkan hubungan mereka.

Bagaimanapun, peguam Syazwan Shah yang mewakili lelaki itu memaklumkan mahkamah bahawa ibu bapa mangsa membuat laporan polis untuk menarik balik laporan terhadap lelaki itu di Kota Marudu dan ibu bapanya turut hadir di mahkamah pada Jumaat.

Syazwan meminta ikat jamin diberikan dengan mengatakan mangsa dan keluarganya telah berpindah ke Kota Kinabalu dan tidak lagi tinggal di rumah yang sama.

Tambahnya, jumlah ikat jamin lebih rendah perlu diberikan kerana lelaki itu datang daripada keluarga miskin tegar.

Sementara itu, seorang warga Indonesia berusia 23 tahun meminta dibicarakan atas dua pertuduhan melakukan penderaan seksual terhadap adik iparnya.

Bagi pertuduhan pertama, lelaki itu didakwa melakukan kesalahan itu ke atas remaja perempuan berusia 13 tahun itu dengan membelai payudaranya dan memeluknya di dalam bilik di sebuah rumah di Kota Marudu pada November 2022 kira-kira jam 11 pagi.

Bagi pertuduhan kedua, dia didakwa mengulangi kesalahan sama terhadap remaja sama di tempat sama pada 23 Mac, 2023 jam 7 pagi.

Mahkamah menetapkan 25 Apr untuk sebutan semula dan tiada ikat jamin ditawarkan kepada lelaki itu sementara menunggu kesnya selesai.



TAJUK : 'TALI GANTUNG BUAT PEMBULI'

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 24 MAC 2024

M/SURAT : 02&03

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Oleh Redzuan Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

"Perbuatan itu keterlaluan jadi saya setuju jika hukuman gantung sampai mati dikenakan kepada pelaku jika sabit kesalahan supaya beri pengajaran kepada semua," kata bekas pelajar Sekolah Henry Gurney, Muhammad Izzad Daniel Abdullah.

Muhammad Izzad Daniel, 25, memberi reaksi itu susulan kes buli di sebuah kolej vokasional, di Lahad Datu, Sabah yang menyebabkan seorang pelajar maut.

Penuntut semester akhir Diploma Pengurusan Penerbangan Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernetics (KTAC) dan peneramah motivasi itu berkata, dia sendiri ada pengalaman di-buli dan mengukui ia menjadi amalan dalam kalangan pelajar senior kepada junior terutama di sekolah berasrama.

"Bila baca kes buli jadi tak pelik kerana ia seolah sudah jadi tradisi di sekolah berasrama namun yang membimbangkan adalah apabila berlaku kematian disebabkan.

"Nak salahkan warden asrama sepenuhnya tak boleh juga kerana mereka mesti sudah kawal dan pembuli biasanya akan gunakan waktu warden tak meronda untuk lakukannya.

"Jika, alternatif bagi men-

'TALI GANTUNG BUAT PEMBULI'

Bekas pelajar Sekolah Henry Gurney anggap sudah tiba masa beri hukuman lebih berat buat pelaku demi keselamatan bersama

cegah buli adalah dengan menambah bilangan warden di asrama dan pupuk kesedaran dalam kalangan pelajar mengenai hukuman berat menanti mereka jika membuli," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Menurut Muhammad Izzad Daniel, tayangan drama atau filem berkaitan buli yang menunjukkan keganasan melampau juga harus dihentikan bagi mengelak anak muda terpengaruh.

"Buli tak patut dinormalisasikan. Jadi jika tidak mahu normalisasikannya, jangan tayang cerita begitu walaupun ada mesej positif kerana tak semua melihat daripada sudut itu," katanya.

Sementara itu, Eksekutif Kewangan, Fatin Hanani Ruzki, 35, berkata, sebagai ibu, dia sedih selepas membaca kisah buli hingga maut membabitkan pelajar sekolah.

Justeru, dia menyokong hukuman berat termasuk gantung sampai mati kepada suspek yang disabitkan bersalah.

"Difahamkan, pesalah bawah umur dihantar ke ju-

Saya setuju jika hukuman gantung sampai mati dikenakan kepada pelaku jika sabit kesalahan supaya beri pengajaran kepada semua,"

Muhammad Izzad Daniel



menjadi pembunuh. "Aka hukuman harus dikaji semula buat pembuli supaya mereka menerima hukuman yang setimpal," katanya.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan berita penemuan seorang pelajar lelaki dalam keadaan tidak bernyawa di bilik asrama dipercayai dibelash rakan dalam kejadian di sebuah kolej vokasional di sini, awal pagi kelmarin.

Mangsa, Mohammad Nazmie Azzat Muhd Narul Azwan, 17, ditemui dalam keadaan tidak sedarkan diri oleh warden asrama yang bertugas pada 6.50 pagi.

Susulan kejadian itu, polis menahan seramai 13 pelajar lelaki berusia 16 dan 19 tahun manakala satu rampasan alat pengecas telefon pintar yang

polis sudah mengesan tujuh saksi bebas untuk membantu siasatan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksakan kerana membunuh,"

"Pihak sekolah juga harus menukar strategi bagi memantau kegiatan buli dalam kalangan pelajar asrama antaranya dengan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV), rondaan kerap di asrama dan wujudkan aplikasi anti buli sebagai platform aduan oleh mangsa"



ANGGOTA polis menguruskan mayat Mohammad Nazmie Azzat.



POLIS memeriksa beberapa bukti berkaitan insiden.



SERAMAI 13 pelajar ditahan untuk bantu siasatan kes.

KPM jamin kerjasama penuh

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan (KPM) bersedia memberi kerjasama penuh berhubung kes kematian seorang pelajar lelaki dibelash rakan di kolej vokasional Lahad Datu, Sabah.

Dalam kenyataan KPM semalam, pihaknya sudah bertindak dengan menyalurkan bantuan kebajikan kepada keluarga mangsa.

Selain itu, KPM juga menawarkan sokongan psikososial keluarga mangsa, pelajar lain, guru dan seluruh warga kolej berkenaan.

"KPM menzahirkan rasa dukacita dan ucapan takziah kepada keluarga Muhd Nazmie Azzat Muhd Narul Azwan, pelajar kolej vokasional di Sabah yang meninggal dunia pada Jumaat (kelmarin).

"Dalam masa sama, KPM menyeru semua pihak menghormati privasi keluarga mangsa.

"KPM tidak berkompromi dengan salah laku buli di semua institusi pendidikan di bawah kelolaannya," katanya.

Kelmarin, Mohammad Nazmie ditemui mati di bilik asrama dalam keadaan tidak sedarkan diri oleh warden asrama yang bertugas pada jam 6.50 pagi.

Ketua Polis Daerah Lahad Datu, Asisten Komisioner Polis, Dr Rohan Shah Ahmad berkata, pihaknya menerima laporan dibuat oleh pengarah kolej berkenaan.

Katanya, mangsa adalah penghuni asrama kolej berkenaan ditemui dalam keadaan tidak sedarkan diri dan disahkan meninggal dunia di tempat kejadian oleh pihak Hospital Lahad Datu yang hadir untuk memberikan rawatan kecemasan.

Polis juga sedang mengesan tujuh saksi bebas untuk membantu siasatan. Kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksakan kerana membunuh.

Penuntut ditemui maut di bilik asrama

Lahad Datu: Mohammad Nazmie Azzat Muhd Narul Azwan, 17, ditemukan meninggal dunia di bilik asrama sebuah kolej vokasional, di sini, kelmarin dipercayai dibelash rakan.

Terdahulu, Mohammad Nazmie Azzat ditemukan dalam keadaan tidak sedarkan diri oleh warden asrama yang bertugas, jam 6.50 pagi.

Ketua Polis Daerah Lahad Datu Asisten Komisioner Dr Rohan Shah Ahmad berkata,

pihaknya dimaklumkan berkaitan kejadian oleh pengarah kolej berkenaan.

Katanya, mangsa adalah penghuni asrama kolej berkenaan dan disahkan meninggal dunia di atas lantai di sebuah daripada bilik asrama kolej itu,"

"Setelah dimaklumkan

Punca kejadian ialah perselisihan faham antara mangsa dengan penghuni asrama

Dr Rohan Shah

Menurutnya, pemeriksaan menemukan kesan kecederaan dan lebam di beberapa bahagian badan mangsa.

"Punca kejadian ialah perselisihan faham antara mangsa dengan penghuni-penghuni asrama yang lain.

"Mayat dibawa ke Hospital Lahad Datu untuk bedah siasat," katanya.

Beliau berkata, sehingga semalam, polis sudah me-

nah 13 pelajar lelaki berusia 16 tahun dan 19 tahun selain rampasan seunit pengecas telefon pintar yang dipercayai ada kaitan dengan kes ini.

"Setakat ini (semalam), polis sudah mengesan tujuh saksi bebas untuk membantu siasatan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksakan kerana membunuh,"

katanya.

Pada masa sama, beliau meminta orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi berkaitan kes terbabit.

Keluarga mangsa enggan beri ulasan

Lahad Datu: Keluarga Mohammad Nazmie Azzat Muhd Narul Azwan, 17, yang meninggal dunia dipercayai akibat dibelash rakan seasrama, di sini, kelmarin, enggan mengeluarkan kenyataan berkaitan tragedi terbabit.

Ketika ditemui di perkaraangan Jabatan Forensik Hospital Lahad Datu, sema-

lam, seorang daripada ahli keluarga mangsa meminta diberikan ruang dan enggan diganggu.

"Buat masa ini kami tidak mahu mengeluarkan apa-apa kenyataan.

"Harap maklum," katanya ringkas kepada media.

Ahli keluarga mangsa dilihat masih terkejut dan su-

kar menahan kesedihan atas tragedi yang berlaku terhadap Mohammad Nazmie Azzat.

Terdahulu, mangsa ditemukan dalam keadaan tidak sedarkan diri oleh warden asrama, jam 6.50 pagi.

Mangsa yang mengikuti program Bioteknologi di Kolej Vokasional Lahad Datu

disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian oleh pasukan perubatan Hospital Lahad Datu.

Setakat semalam, 13 pelajar lelaki berusia 16 tahun hingga 19 tahun ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksakan kerana membunuh.

